

## F&NHB terus berinovasi depan pasaran mencabar



LIM

Kuala Lumpur: Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB) mengambil langkah berhati-hati memandangkan keadaan pasaran yang mencabar dan ketidakpastian global berterusan akibat pandemik Covid-19.

Persekitaran dijangka kekal mencabar pada masa hadapan dan Kumpulan tidak mengharapkan pasaran kembali kepada keadaan prapandemik dalam jangka masa pendek.

Ketua Pegawai Eksekutif F&NHB, Lim Yew Hoe berkata, inovasi menjadi kunci kepada prestasi berterusan.

"Kami sedia merebut peluang dalam aktiviti ekonomi yang nampak memberangsangkan di Malaysia dan Thailand bagi memacu jualan, terutama untuk perniagaan minuman dan tenusu sedia diminum, dan saluran luar rumah.

"Kami terus menawarkan produk yang memenuhi keperluan pengguna yang berubah-ubah dan memperhalusi harga produk kami untuk melindungi perniagaan daripada tekanan kos termasuk peningkatan harga komoditi dan bahan input lain," katanya dalam kenyataan.

Katanya, eksport terus menjadi tumpuan utama pada masa hadapan untuk F&B Malaysia dan Thailand.

"Kami tidak lari daripada melabur dalam keupayaan bagi memanfaatkan peluang baharu, sama ada untuk eksport berjenama sendiri atau pelanggan OEM utama," katanya.

Katanya, Kumpulan juga menumpukan pada pembinaan tonggak makanan berbungkus halal baharu.

"Kami percaya bahawa potensi penuh untuk jenama Sri Nona belum direalisasikan dan Kumpulan kini mengkaji untuk mengembangkan rangkaian produk," katanya.

**Disiarkan pada: November 5, 2021 @ 11:39am**